

## 'Caballus RAfVI' bantu Alisya berlari

[Redzuan Muharam](#)

[redzuan.muhamam@hmetro.com.my](mailto:redzuan.muhamam@hmetro.com.my)

Klang: Keinginan membantu anak didik yang juga orang kurang upaya (OKU) penglihatan (katarak) merasai pengalaman berlari dengan sempurna memberi ilham kepada seorang guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) untuk mencipta inovasi diberi nama 'Caballus RAfVI' awal tahun lalu.

Wan Muadzam Wan Abidin, 40, yang mengajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Klang, di sini berkata, inovasi itu dicipta khusus buat muridnya, Nur Yusrina Alisya Yusri, 12, yang OKU penglihatan (katarak) sejak bayi dan hampir buta sepenuhnya.



WAN Muadzam bersama murid istimewanya, Nur Yusrina Alisya menggunakan peralatan dinamakan 'Caballus RAfVI' untuk berlari. FOTO Ihsan Wan Muadzam Wan Abidin.

Menurut Wan Muadzam, idea itu tercetus selepas melihat pembabitan aktif Nur Yusrina Alisya atau mesra disapa Alisya dalam pelbagai kategori sukan terutama larian.

Jadi, dia melihat ada keperluan untuknya mencipta satu inovasi yang sesuai bagi membantu muridnya itu melakukan aktiviti berkenaan.

"Alisya seorang murid yang sangat istimewa ,berbakat dan pernah memenangi pelbagai acara sukan antaranya lompat jauh, lontar peluru selain turut aktif dalam larian.

"Saya seorang daripada guru yang sering berlatih dengannya dan setiap kali latihan, Alisya akan berpegang pada bahu saya untuk menstabilkan badannya.

"Kami berlatih pada jarak satu hingga lima kilometer (km) sehari mengikut jadual dan cabaran saya adalah bertahan setiap kali tangannya (Alisya) berpaut pada bahu saya.

"Selain agak meletihkan, ia juga boleh menyebabkan saya atau kami berdua jatuh kerana kurang kestabilan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.



WAN Muadzam dan Penolong Kanan Kokurikulum SK Klang, Zurani Asfar (kanan) bersama Nur Yusrina Alisya bergambar selepas program larian pada 2020. FOTO Wan Muadzam Wan Abidin

Menyedari masalah itu, Wan Muadzam mencipta alat itu berpandukan konsep rekaan troli dan stroler bayi.

Katanya, prototaip versi 1.0 itu dicipta menggunakan bahan terbang.

Pada awalnya, saya cipta prototaip menggunakan paip air berukuran 0.1 meter untuk menguji keberkesannya dan ia siap dalam masa empat hari.

"Saya dapatkan juga pandangan daripada guru senior untuk memperbaiki kekurangan prototaip pertama itu yang dilihat tidak sesuai untuk kegunaan dalam larian jarak jauh.

"Bagi penghasilan prototaip kedua, saya tidak berseorangan tetapi dibantu oleh guru besar ketika itu, Mohd Hasni, Penolong Kanan PPKI, Ahmad Nadzri Salleh, Penolong Kanan Kokurikulum, Zurani Asfar dan guru Kelas Perdana, Saiful Azhar.

"Pembaharuannya adalah ia dilengkapi tayar angin yang lebih stabil dan rekaannya juga lain berbanding pertama serta lebih lancar untuk Alisya," katanya.

Berkongsi perasaannya selepas inovasi itu mendapat perhatian netizen di laman sosial, Wan Muadzam mengakui sangat terkejut kerana tidak sangka ramai memberi maklum balas positif terhadap inovasi dihasilkannya.

Katanya, ia kerana inovasi itu sudah dicipta lebih setahun yang lalu iaitu sebelum pandemik lagi cuma menjadi tular kerana baru dimuat naik videonya di TikTok.

"Saya aktifkan akaun TikTok kerana tertarik melihat perkongsian guru lain berkongsi pengalaman mengajar dalam tempoh pandemik.

"Lima hari lalu, saya muat naik video menyertai program larian Edu Fun Run di Dataran Kemerdekaan Shah Alam pada 8 Februari 2020.

"Tak sangka ia (video) mendapat tontonan tinggi dan ruangan komen TikTok saya juga dibanjiri komen netizen yang tersentuh melihat video saya dan Alisya menguji prototaip pertama dihasilkan di sekolah," katanya.



WAN Muadzam (kanan) tekun menyiapkan inovasi Caballus RAfVI bersama rakan guru.  
FOTO Ihsan Wan Muadzam Wan Abidin.

Menurut Wan Muadzam, alat ciptaannya itu pernah dipertandingkan dan menjuarai Pertandingan Inovasi anjuran Institut Pendidikan Guru (IPG) Miri, Sarawak pada tahun lalu dan memenangi pingat emas.

Bagaimanapun, katanya, dia mahu memperbaiki lagi ciri dan kualitinya antaranya menjadikannya boleh diceraikan dan dilipat supaya boleh dikomersialkan.

"Sebenarnya, saya sudah menghasilkan lima ciptaan lain bagi murid berkeperluan khas termasuk Caballus dan versi Caballus 3.0 sedang dalam proses pembangunan.

"Setiap ciptaan dihasilkan khusus mengikut masalah seseorang murid. Syukur, inovasi ini mendapat maklum balas positif daripada banyak pihak termasuk PPD Daerah Klang dan juga Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Selangor walaupun ia projek tahun lalu.

"Maklum balas positif itu tentunya memberi semangat kepada saya untuk menghasilkan lagi ciptaan serta menyumbang sesuatu bagi kemenjadian murid istimewa saya.

"Saya juga percaya ramai lagi guru PPKI di luar sana yang menghasilkan ciptaan bermanfaat untuk murid mereka dan berharap inovasi mereka juga dapat diketengahkan bagi membuka mata masyarakat," katanya yang menjadi pendidik sejak 2009.

**Disiarkan pada: September 3, 2021 @ 5:36pm**